

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

RRE 234 Pengaturcaraan Komputer dan Pemprosesan Data

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Huraikan dengan ringkas beberapa penggunaan alat komputer serta perisian yang terdapat dengannya. Terangkan juga tentang perbezaan utama di antara komputer rangka utama, komputer mini jika dibandingkan dengan komputer mikro.

(20 Markah)

2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan sistem operasi?
(b) Huraikan secara ringkas beberapa jenis sistem operasi serta alat komputer yang digunakan bersama.
(c) Berikan contoh kegunaan 3 jenis arahan sistem operasi "PC DOS" yang anda ketahui.

(20 Markah)

3. Huraikan secara ringkas tentang rekabentuk asas serta unit-unit utama sistem komputer mikro dan terangkan bagaimana mereka berinteraksi.

(20 Markah)

4. Terangkan secara ringkas tentang:
(a) Unit Pusat Pemprosesan
(b) Storan Massa
(c) Ingatan Capaian Rawak (RAM)
(d) Unit Paparan Pandang

(20 Markah)

... 2/-

5. Terangkan tentang arahan program "BASIC" yang diberikan di bawah serta berikan contoh di mana mereka boleh digunakan.

- (a) INPUT
- (b) FOR ,NEXT
- (c) DIM
- (d) DATA ,READ

(20 Markah)

6. Terangkan tentang penggunaan Rekabentuk dengan Bantuan Komputer (CAD) di dalam bidang Seni Bina, Kejuruteraan dan Pembinaan. Apakah spesifikasi dan sistem pasangan komputer serta perifiral yang sesuai untuk kegunaan "CAD".

(20 Markah)

7. Terangkan maksud-maksud berikut:-

- (a) Pangkalan Data
- (b) Struktur Data
- (c) Fail Kertas
- (d) Fail Berkomputer

(20 Markah)

-000000000-